

| | | | |
|------------|---|-------------|----------------------|
| Headline | 131 kejadian cerun runtuh dalam sebulan | | |
| MediaTitle | Harakah | | |
| Date | 04 Dec 2017 | Color | Full Color |
| Section | General News | Circulation | 50,000 |
| Page No | N31,N32 | Readership | 150,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1184 cm ² |
| Journalist | IZWAN ABDUL HALIM | AdValue | RM 9,874 |
| Frequency | Twice in a Week | PR Value | RM 29,622 |



BAHAYA

Pembangunan rakus cerun, lereng bukit di Pulau Pinang punca musibah

PEMBANGUNAN dengan merakusi lereng dan cerun bukit yang sangat banyak dilaksanakan di Pulau Pinang telah menunjukkan malapetaka apabila 131 kejadian cerun runtuh dilaporkan berlaku di seluruh negeri itu sepanjang tempoh kurang sebulan yakni antara 15 September hingga 4 November lalu. Bukan sahaja telah mengakibatkan korban nyawa, malah sepertimana menjadi kejutan


“Pembangunan di cerun bukit telah mengganggu dan menghilangkan fungsi kawasan tadahan air, selain menyebabkan tanah tinggi yang ada hilang keupayaan menanggung kemampuan menyimpan air lalu beban menyebabkan runtuh. Laluan air yang sepatutnya mengalir, telah tersekat oleh pembangunan mega dilakukan, selain sistem perparitan dan saliran tidak sempurna.”



IR AHMAD RAFAIE DATO' ABDUL RASHID
Timbalan Ketua Dewan Pemuda PAS Pulau Pinang

seluruh negara, Pulau Pinang mengalami banjir lumpur terburuk dalam sejarahnya awal bulan lalu. Pun begitu pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang pimpinan DAP diketuai Lim Guan Eng (LGE) dilihat bersikap sombong “menyalahkan” faktor alam sebagai sebab kejadian, antaranya taburan hujan terlampau tinggi dan kesan ribut.

» PENDEDAHAN LANJUT DI MUKA 31



KEJAR PEMBANGUNAN Lereng bukit yang runtuh, PAS Pulau Pinang telah membuat tinjauan isu itu baru-baru ini selepas banjir besar melanda negeri itu bulan lepas. Foto IZWAN HALIM

| | | | |
|------------|---|-------------|----------------------|
| Headline | 131 kejadian cerun runtuh dalam sebulan | | |
| MediaTitle | Harakah | | |
| Date | 04 Dec 2017 | Color | Full Color |
| Section | General News | Circulation | 50,000 |
| Page No | N31,N32 | Readership | 150,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1184 cm ² |
| Journalist | IZWAN ABDUL HALIM | AdValue | RM 9,874 |
| Frequency | Twice in a Week | PR Value | RM 29,622 |

131 kejadian cerun runtuh dalam sebulan

Laporan Khas IZWAN ABDUL HALIM

PEMBANGUNAN dengan merakusi lereng dan cerun bukit yang sangat banyak dilaksanakan di Pulau Pinang telah menunjukkan malapetaka apabila 131 kejadian cerun runtuh dilaporkan berlaku di seluruh negeri itu sepanjang tempoh kurang sebulan yakni antara 15 September hingga 4 November lalu.

Bukan sahaja telah mengakibatkan korban nyawa, malah seperti mana menjadi kejutan seluruh negara, Pulau Pinang mengalami banjir lumpur terburuk dalam sejarahnya awal bulan lalu.

Pun begitu pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang pimpinan DAP diketuai Lim Guan Eng (LGE) dilihat bersikap sombong "menyalahkan" faktor alam sebagai sebab kejadian, antaranya taburan hujan terlampau tinggi dan kesan ribut.

Secara halus cuba menafikan bencana buruk melanda itu antaranya berpunca pembangunan tidak seimbang dan mengejar binaan mewah yang tidak berlandaskan keperluan penduduk. Selain menutup kelemahan dengan dakwaan tidak diberi amaran awal berhubung cuaca bakal melanda.

Sengsara rakyat, pemimpin bermegah

Lalu sikap ego itu terus menyangka ianya semudah diselesaikan dengan slogan dan kempen "Pulau Pinang Bangkit" menghabiskan sejumlah pemberian tidak seberapa yang dimegahkan melebihi sengsara tertimpa ke atas rakyat.

Selain mengharap bilion ringgit bakal ditabur oleh Kerajaan Persekutuan untuk pembinaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di negeri itu. Semua itu menyerlahkan betapa lidah fasih LGE sebahagian rakyat negeri itu terutama kaum Melayu dengan mesej-mesej Islamik, hanyalah kepuraan semata.

Tidak dipandang mahupun berbekas di jiwanya "faktor ketuhanan" yang menjadi asbab semua itu di mana tidak pernah ada kerajaan ter-

hebat di atas muka bumi pun mampu mengatasi jika ditimpakan. Namun, Tuhan tidak pernah menzalimi makhluk yang diciptakan-Nya melainkan semua itu angkara dan akibat dari perbuatan manusia sendiri.

Bukit-bukau dan gunung-ganang, serta kehi-jauan alam semulajadi telah Allah SWT ciptakan sebagai pasak mengukuhkan bumi, selain disebut Rasulullah s.a.w. berperanan mengimbangi satu sama lain. Malangnya, ketamakan manusia tidak pernah ada budi bicara dan lebih jahat menzahirkan belang hipokrit kononnya membela alam sekitar di tempat lain, tetapi menjarah dalam peliharaan sendiri.

PAS Pulau Pinang menerusi Timbalan Ketua Pemuda PAS Negeri, Ir Ahmad Rafea Dato' A Rashid dan Pengerusi Lajnah Asas Tani dan Alam Sekitar PAS Negeri, Saiful Lizan Mohd Yusoff serta Pengerusi Lajnah Tanah PAS Negeri, Yaacob Omar meninjau sendiri perkembangan beberapa lokasi tanah runtuh pasca banjir.

Dari pemerhatian yang turut disertai Ketua Penerangan Pemuda PAS Negeri, Ahmad Safuan Ujar dan Bendahari Pertubuhan Satria Serikandi, Muhammad Idris Ahmad itu, menyakikan banyak lagi risiko lain bakal menggundang di masa depan.

Menurut Ir Rafea, pembangunan di cerun bukit telah mengganggu dan menghilangkan fungsi kawasan tadahan air, selain menyebabkan tanah tinggi yang ada hilang keupayaan menanggung kemampuan menyimpan air lalu beban menyebabkan runtuh.

Malah kata beliau, laluan air yang sepatutnya mengalir, telah tersekat oleh pembangunan mega dilakukan, selain sistem perparitan dan saliran tidak sempurna Kesali beliau, walaupun kelestarian alam sekitar tersebut berpunca daripada kelulusan pembangunan diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tetapi saat tragedi itu berlaku, mereka berlepas tangan dan menuding jari menyalahkan pelbagai pihak lain.

Saiful Lizan pula me-



Saiful Lizan melihat notis arahan pemberhentian pembinaan di tapak tragedi yang mengorbankan nyawa.



Kawasan pembinaan di lereng bukit.

nyatakan, laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan dibuat untuk menyasiat setiap kelulusan diberikan pihak-pihak berkenaan di mana beliau tidak menolak kemungkinan wujud salah guna kuasa.

Beliau bimbang sekiranya perkara tersebut tidak dikawal, akan berlaku bencana lebih buruk dari yang telah terjadi kerana disekeliling runtuh juga terdapat kondominium mewah perputih tingkat.

Bencana yang berlaku terangnya, menimbulkan risiko baharu kepada bangunan sedia ada di mana boleh mengancam nyawa dan harta benda. Sudah tentu kata beliau, keadaan itu akan membimbangkan penduduk, selain menyebabkan harga hartanah itu akan jatuh merudum.

Beliau menyeru sama ada di pihak kerajaan mahupun pemaju, mengambil iktibar dari tragedi tumbangnya Highlands Tower di Ulu Klang pada tahun 1993. Malah, Saiful turut menunjukkan beberapa runtuh lereng bukit di Tanjung Bungah yang terdapat infrastruktur asas seperti jalan raya,

lampu jalan dan perparitan.

Risiko

Menurut bekas Ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang itu, kewujudan tersebut menunjukkan bahawa pembinaan berkenaan mendapat kebenaran merancang (KM). Namun utaranya, tindakan pihak-pihak berautoriti memberi kelulusan pembangunan yang membawa kepada risiko itu amat menimbulkan persoalan.

Keadaan itu juga terang Saiful, boleh berpunca daripada sikap tamak pemaju yang mengejar keuntungan sama ada menggunakan bahan berkualiti rendah atau tidak mengikuti spesifikasi ditetapkan untuk pembinaan.

Ketika sama juga ujarnya, tiada pemantauan atau penguatkuasaan oleh pihak berkaitan disebabkan oleh kompromi tertentu. Tegas beliau, kerana itulah siasatan oleh SPRM amat perlu dalam kejadian yang berlaku untuk menyelamatkan lebih banyak tragedi di masa depan.

Sementara itu Idris dan Yaacob ketika tinjauan itu bersama memberi ko-



Perumahan mewah cerun bukit yang belum diduduki tetapi struktur jalannya telah runtuh.



Gambar dari arah udara menunjukkan runtuh di lereng bukit diakibatkan penerokaan hutan dan bukit yang rakus.



Kawasan pembinaan yang dihentikan sementara akibat runtuh tanah.

mentar bahawa situasi dihadapi jelas menunjukkan pihak kerajaan negeri terlalu mengutamakan pihak pemaju. Mereka berpendapat, pihak kerajaan gagal mewujudkan kawalan sepatutnya, malah mungkin melindungi kesalahan pemaju dari melaksanakan peraturan pembinaan ditetapkan.

Mereka turut mengutarakan pertikaian terhadap pembangunan me-

wah yang realitinya tidak mampu dimiliki oleh kebanyakan penduduk Pulau Mutiara itu, sekali gus mendedahkan aset berkenaan kepada warga asing.

Semua itu ujar mereka, kerana kerajaan pimpinan DAP terlalu mengejar keuntungan terutama melibatkan perolehan premium pembangunan tanah yang mendatangkan pendapatan tinggi kepada negeri itu.